25/06/2002

GP Takraw perkenal format baru

Haryani Ngah

FORMAT baru, disingkir selepas dua kali kalah di peringkat pusingan awal - akan dilaksanakan Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) pada sirkit pertama Kejohanan Sepak Takraw Grand Prix Kebangsaan Terbuka Kelantan 2002 yang berlangsung di Dewan Majlis Sukan Negeri pada 4 hingga 7 Julai ini.

Format kalah mati itu terpaksa diperkenalkan memandangkan bilangan sirkit GP Takraw yang sedikit akibat kekurangan sumber kewangan dan tajaan.

Kejohanan membabitkan 14 pasukan dan terbahagi kepada dua kumpulan A dan B itu mengguna peraturan baru yang diluluskan Persatuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf).

Untuk kejohanan kali ini setiap pasukan membariskan pemain berusia 22 tahun ke bawah untuk regu pertama dan pemain berusia bawah 35 tahun untuk regu kedua. Manakala untuk perlawanan peringkat kalah mati pemain berusia bawah 22 tahun perlu diturunkan.

Penyelaras pertandingan Mahathir Mohamad berkata, Grand Prix musim ini berbeza dengan tahun sebelumnya yang membabitkan liga empat kumpulan.

"Peraturan untuk kejohanan kali ini mendapat kelulusan daripada Istaf dan setiap pasukan boleh menyenarai tidak lebih daripada lima pemain untuk setiap regu.

"Siri kejohanan pertama musim ini berlangsung di Kelantan dan untuk untuk sirkit kedua kemungkinannya di Kedah. Manakala Negeri Sembilan dijangka menjadi tuan rumah untuk pusingan akhir yang akan diadakan pada Ogos depan," katanya ketika ditemui semasa sesi undian semalam di Stadium Titiwangsa semalam.

Untuk musim ini juga penganjur kejohanan sekadar mendapat penajaan berjumah RM250,000 daripada Perilly's.

(END)